



KENYATAAN MEDIA

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

ISU BANJIR KILAT DI TELUK BAHANG, PULAU PINANG

19 JULAI 2016

Hujan lebat dengan kadar curahan sebanyak 247mm selama lima jam, sistem perparitan yang kurang sempurna dan fenomena air pasang merupakan antara punca utama kejadian banjir kilat di Teluk Bahang, Pulau Pinang semalam.

Saya menggesa agar kerajaan negeri memberi perhatian serius dalam memastikan sistem perparitan diselenggara dengan sebaiknya serta projek-projek pembangunan di kawasan yang terbabit yang tidak dikawalselia dengan sepenuhnya kerana ianya juga menyumbang kepada kejadian banjir kilat tersebut. Kejadian terbaru itu telah menyebabkan sebanyak 32 keluarga telah dipindahkan ke tempat yang lebih sesuai. Beberapa kawasan rendah di Pulau Pinang termasuk Bayan Lepas, Batu Maung, Relau, Teluk Bahang serta Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang telah dinaiki air berikutan hujan lebat yang berterusan semalam.

Saya turut difahamkan bahawa anggota Parlimen Balik Pulau Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya yang juga merupakan Timbalan Menteri Kesihatan akan memohon peruntukan daripada kerajaan negeri dan Pusat untuk membina jambatan di Sungai Teluk Bahang bagi menggantikan saluran air sedia ada. Cadangan tersebut akan dikaji oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sebelum ianya dilaksanakan kelak.

Buat masa ini, kerajaan negeri disyorkan untuk melaksanakan kerja pembersihan *culvert* yang tersumbat dengan sampah serta ranting pokok di Sungai Teluk Awak yang merintang Jalan Hassan Abas dan Jalan Nelayan di Teluk Bahang. Sebagai pendekatan jangka panjang, saya sarankan agar *culvert* di Jalan Abbas dinaiktaraf kerana aras jalan terlalu rendah menyebabkan aliran air kerap melimpah ke atas jalan dan turut menaiktaraf *culvert* di Jalan Nelayan kerana saluran air keluar adalah kecil dan kerap menyebabkan sampah serta ranting pokok tersekat di permukaan *culvert* tersebut.

Salah satu punca utama banjir kilat yang boleh diurus dan dalam kawalan manusia ialah sistem saliran dan perparitan yang tersumbat dengan sampah sarap berikutan penyelenggaraan kurang sempurna (*insufficient maintenance*). Justeru, saya ingin menasihatkan orang ramai agar bersama-sama menjaga kebersihan persekitaran dengan tidak membuang sampah ke dalam sistem saliran dan sungai. Dengan tindakan ini, kos penyelenggaraan bagi sistem saliran dapat dikurangkan dan sistem saliran dapat berfungsi dengan keupayaan penuh. Ini akan mengurangkan risiko berlakunya banjir kilat.

Sebanyak 7 kes banjir kilat telah berlaku di Pulau Pinang pada tahun ini berbanding 26 kes pada tahun lalu. Bagi negeri Kedah pula, JPS telah merekodkan 5 kejadian banjir kilat bagi tahun ini termasuk yang berlaku pada hari ini di Jalan Sultanah, SMK Sultanah Bahiyah dan SK Bukit Pinang. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) menerusi JPS akan mengkaji sistem perparitan di kawasan terbabit untuk tujuan penambahbaikan.